

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN KESEJAHTERAAN

SOSIAL: APA PERANAN KAMI?

A. Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, Nor Azan Ibrahim, Mohd Kamal Mohd Napiah,

Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini

ABSTRAK

Kerja komuniti merupakan satu proses menghasilkan dan mengekalkan penyesuaian di antara sumber-sumber kebajikan sosial dan keperluan kebajikan sosial di dalam satu kawasan geografi atau bidang perkhidmatan yang khusus. Universiti Sains Malaysia sebagai sebuah universiti perintis berusaha untuk memperkasakan dan menonjolkan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terkebahawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi ke arah perkembangan minda dan perluasan ilmu bagi peningkatan taraf pendidikan seluruh lapisan masyarakat. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (PUSM) sebagai gedung ilmu memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan kesejahteraan sosial dalam masyarakat. Pembudayaan membaca sebagai satu mekanisme utama untuk meningkatkan ilmu amat sinonim dengan perpustakaan. Atas dasar tersebut, PUSM yang terdiri daripada Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), Perpustakaan Hamdan Tahir (PHT) dan Perpustakaan Kejuruteraan (PK) telah mengadakan program PHS@ Chemor, Riang Ria Rabu @ Pediatrik dan PHS @ Koperasi Tadika Minden: *We Light Up Your Mind*, yang merupakan inisiatif dalam menyumbang kepada kesejahteraan sosial negara.

Kata kunci: kerja komuniti, kesejahteraan sosial, Perpustakaan, Universiti Sains Malaysia

Pengenalan

Menurut Haris Abd. Wahab (2008), konsep kesejahteraan sosial memberikan fokus kepada keadaan, nasib, hak, kewajipan dan tanggungjawab sesama manusia. Secara tradisi, usaha kesejahteraan sosial dilaksanakan untuk membasmi dan mengawal masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Usaha kesejahteraan sosial juga memberi tumpuan terhadap usaha-usaha pemenuhan keperluan manusia serta peningkatan peluang mobiliti sosial dalam komuniti. Ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini merupakan kerangka asas untuk manusia meneruskan kehidupan.

Universiti Sains Malaysia(USM) sebagai sebuah universiti perintis berusaha untuk memperkasakan dan menonjolkan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi ke arah perkembangan minda dan perluasan ilmu bagi peningkatan taraf pendidikan seluruh lapisan masyarakat. Selari dengan wawasan USM 'Transformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok', Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (PUSM) perlu memainkan peranan untuk turut menyokong usaha pembangunan lestari dalam memastikan masa depan yang lebih kekal.

Pembudayaan membaca sebagai satu mekanisme utama untuk meningkatkan ilmu amat sinonim dengan perpustakaan. Atas dasar tersebut, PUSM yang terdiri daripada Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), Perpustakaan Hamdan Tahir (PHT) dan Perpustakaan Kejuruteraan (PK) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan dalam mencapai hasrat untuk mewujudkan

masyarakat yang sejahtera sosial. Bermula tahun 2010, tiga program telah dijalankan oleh PUSM iaitu PHS @ Chemor, Riang Ria Rabu @ Pediatrik dan PHS@ Koperasi Tadika Minden: *We Light Up Your Mind*.

PHS@Chemor



15 Mei 2010 (Sabtu)
7:30 pagi - 6:00 petang
Sek. Keb. Syed Idrus, Chemor, Perak

Selubungan daripada **SPAC Resources**

- Seminar Teknik Membaca
- Pertandingan Pengucapan Awam
- Spell-it-Right
- Pertandingan Bercerita
- Pertandingan Mewarna
- Motivasi Diri
- Perkhidmatan "Medical Coach Bus"
- Perkhidmatan "Eco Friendly Bus"

Asykan : Jawatankuasa Kempen Membaca Perpustakaan Hancub Sendat, Dengan Kerjasama Jawatankuasa Hari Bersama Pelanggan dan Kumpulan Siswa Siswi Darul Ridzuan (KUSISDARI)

Inisiatif pertama PUSM bermula dengan penglibatan Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) dengan kerjasama Jawatankuasa Hari Bersama Pelanggan dan Kumpulan Siswa Siswi Darul Ridzuan (KUSISDARI) dalam PHS@Chemor. Program jalinan masyarakat ini telah diadakan pada 14 dan 15 Mei 2010 bertempat di Sekolah Kebangsaan Syed Idrus, Chemor, Perak. Program ini bertujuan untuk menjadikan Pusat Sumber sebagai nadi gedung maklumat kepada pihak sekolah dan seterusnya menjadi pencetus inspirasi sekolah terbabit untuk menjadi sebuah sekolah berprestasi tinggi.

Sekolah Kebangsaan Syed Idrus dipilih sebagai lokasi program tersebut kerana ia salah sebuah sekolah di kawasan pedalaman yang berpotensi untuk berkembang menjadi sebuah sekolah yang berprestasi tinggi dengan adanya bantuan daripada pelbagai pihak dan bukan hanya bergantung kepada pihak sekolah semata-mata.

Program PHS@Chemor telah dirasmikan oleh YB Datuk Rosnah Kassim, Ahli Dewan Undangan Negeri, Hulu Kinta dan telah melibatkan 200 orang pelajar terpilih dari tahun 1 hingga tahun 6 Sekolah Kebangsaan Syed Idrus. Program PHS@Chemor bermula di awal pagi dengan proses pendaftaran, sesi senamrobik, pertandingan pengucapan awam, pertandingan bercerita, pertandingan mengeja, peraduan mewarna, kemahiran membaca dengan berkesan, latihan literasi maklumat dan juga ceramah motivasi. Melalui aktiviti yang telah dijalankan, diharapkan dapat memberi inspirasi kepada pelajar mengenai kepentingan membaca dari peringkat awal.

Selain itu, PUSM turut mengambil peluang untuk menambah koleksi buku Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Syed Idrus dengan menyumbang hampir 1000 bahan bacaan untuk kegunaan warga sekolah. PHS@Chemor ini telah menjadi projek perintis khidmat masyarakat di Perpustakaan Hamzah Sendut.



Proses menyusun atur Pusat Sumber



Menghasilkan lukisan mural



Aktiviti senamrobik



Aktiviti permainan dalam kumpulan



Persembahan berkumpulan



Majlis penyampaian hadiah

Riang Ria Rabu @ Pediatrik

'Riang Ria Rabu' adalah satu program mingguan Jabatan Pediatrik, USM yang mula diperkenalkan pada Julai 2010. Program ini bertujuan memberi sokongan berbentuk psikososial kepada kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Program ini dijalankan dengan pelbagai aktiviti dengan misi untuk mengukir senyuman dan menghiburkan kanak-kanak melalui sesi bercerita, teka-teki, nyanyian, tarian, mewarna, melukis, dan sebagainya.

Program ini berlangsung setiap hari Rabu, jam 2:30 - 3:30 petang (1 jam) bertempat di Pusat Sumber, Tingkat 7, HUSM. Para peserta terdiri daripada pesakit kanak-kanak dari Wad Onkologi (6U), Wad Perubatan (6S) dan Wad Pembedahan (2S) yang mempunyai tahap kesihatan yang stabil, berminat dan mampu untuk turut serta. Program ini terbuka kepada semua yang ingin menjadi sukarelawan samada secara *one-off* atau berkala dengan syarat mempunyai minat untuk berinteraksi dan berhibur bersama kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Sehingga kini, sukarelawan dari pelbagai bidang telah menyertai program ini termasuklah pensyarah universiti, pustakawan, jururawat terlatih, guru pelatih, pelajar perubatan dan psikologi, pelatih terapi carakerja, pelajar kejururawatan, dan ramai lagi. Sukarelawan juga boleh menyertai program ini secara berkumpulan atau individu.

Program Riang Ria Rabu @ Pediatrik menjadi salah satu program berkala PUSM bermula dengan penglibatan Y.M. Puan Engku Razifah Engku Chik, Timbalan Ketua Pustakawan. Melihat kepada keberkesanan program ini, maka beliau telah

menubuhkan satu pasukan khas dalam kalangan staf Perpustakaan Hamdan Tahir (PHT) untuk melibatkan diri dalam program tersebut.

Pada tahun 2010, pasukan PHT telah menyertai program ini sebanyak tiga kali, manakala pada tahun 2011 pasukan PHT telah menyertainya sebanyak enam kali iaitu pada setiap dua bulan. Kebiasaannya, pasukan khas dari PHT akan berbincang tentang idea baharu dan aktiviti menarik yang akan diadakan. Perbincangan tersebut dilihat penting bagi membolehkan aktiviti berjalan lancar dan dapat memenuhi objektif yang ditetapkan. Pesakit kanak-kanak yang menjadi peserta program Riang Ria Rabu @ Pediatrik majoritinya terdiri daripada pesakit yang mendiami wad dalam tempoh yang lama atau pesakit yang menjalani rawatan rutin di HUSM. Oleh yang demikian aktiviti yang dirancang dipelbagaikan untuk mengelak kebosanan dan aktiviti berbentuk permainan dan hiburan untuk menghiburkan para pesakit kanak-kanak.

Aktiviti '*story telling*' merupakan acara wajib di setiap program memandangkan ianya berkait rapat dengan bidang tugas di perpustakaan untuk menanam sikap suka membaca. Buku yang dibaca dalam aktiviti '*story telling*' kemudiannya akan didermakan kepada pusat sumber HUSM sebagai tambahan koleksi. Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan adalah seperti '*win,lose or draw*', origami, nyanyian lagu kanak-kanak, tayangan video, memancing dan lain-lain lagi. Di akhir program, setiap peserta akan diberikan cenderahati.

Sepanjang penglibatan PHT dalam aktiviti ini, banyak faedah yang diperolehi terutama di kalangan staf PHT yang terlibat. Senyuman yang terukir di bibir kanak-

kanak semasa aktiviti berlangsung merupakan suatu bentuk bayaran yang tidak ternilai. Pada ketika itulah terasa jerih payah merancang dan melaksanakan program tersebut terbalas. Semoga objektif untuk memberi sokongan psikologi kepada adik-adik kecil tercapai, disamping memberi keinsafan kepada staf yang menyertai program tersebut.



Aktiviti bercerita



Aktiviti origami



Bergambar kenangan dengan peserta



Aktiviti memancing ikan



Aktiviti tayangan video dan nyanyian

PHS @ Koperasi Tadika Minden: *We Light Up Your Mind*

Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) Perpustakaan Hamzah Sendut mengambil inisiatif untuk mengadakan program yang memupuk kesedaran kepentingan membaca dari peringkat kanak-kanak. JKM dan Koperasi Tadika Minden (KTM), USM dengan kerjasama 17 orang pelajar kursus PGT 203 dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan telah mengadakan program jalinan masyarakat pada 14, 15 Mei dan 20 Jun 2012 bertempat di Koperasi Tadika Minden (KTM), USM.

Objektif utama program ini ialah penjenamaan semula Pusat Sumber Koperasi Tadika Minden dengan menyusun semula koleksi dan mengadakan aktiviti keceriaan bersama tenaga pengajar KTM. Program ini juga sebagai langkah awal untuk menjadikan Pusat Sumber KTM sebagai pusat sehenti penyebaran maklumat untuk melahirkan generasi yang berilmu. Ini selaras dengan program Bulan Membaca anjuran Perpustakaan Negara Malaysia.

Koperasi Tadika Minden, USM, dipilih sebagai lokasi program tersebut kerana ia merupakan salah sebuah institusi pendidikan awal kanak-kanak di dalam USM yang bermatlamat untuk menanam sifat cintakan ilmu dan gemar membaca. Kumpulan sasaran bagi program ini melibatkan 200 murid tadika berumur tiga hingga enam tahun dan 30 tenaga pengajar KTM.

Fasa pertama program telah dijalankan pada 14 dan 15 Mei 2012 dengan tujuan menarik minat murid untuk berkunjung ke Pusat Sumber KTM. Dalam program ini, satu sistem pinjaman dan pemulangan buku yang lebih sistematik dan berkomputer

telah dilaksanakan. Sistem Pinjaman Manual yang sedia ada telah digantikan dengan Sistem Berkomputer OpenBiblio (sistem '*open source*') untuk penyimpanan data buku-buku Pusat Sumber KTM. Ini bertujuan untuk memudahkan urusan pinjaman dan inventori bahan.

Bagi menarik minat murid-murid untuk menggunakan kemudahan Pusat Sumber KTM, jawatankuasa mengambil langkah dengan menghias dan menceriakan suasana pusat sumber. Warna-warna ceria telah dipilih dan mural berkonsepkan watak kartun telah dihasilkan pada dinding Pusat Sumber KTM.

Fasa kedua program ini telah dijalankan pada 20 Jun 2012 merangkumi pelbagai aktiviti yang menarik dan menyeronokkan seperti '*cheer loud*', '*spell-it-right*', '*jigsaw puzzle*' dan pertandingan mewarna. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran maskot tupai tajaan Marry Brown. Majlis penyampaian hadiah telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah KTM dan Pengurusan Tertinggi PHS.



Aktiviti mengecat Pusat Sumber



Penghasilan mural



Aktiviti penyusunan semula koleksi Pusat Sumber KTM



Aktiviti 'Cheer Loud' bersama mascot



Aktiviti 'Spell-It-Right'

Kesimpulan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia berusaha untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat dengan mengadakan kerja-kerja komuniti yang relevan. Ketiga-tiga program yang telah dianjurkan oleh PUSM menepati konsep kesejahteraan sosial dari aspek pendidikan awal dan berterusan, serta memenuhi tanggungjawab sosial. PUSM berharap dapat mempergiatkan dan mempelbagaikan program-program yang bersesuaian kepada komuniti setempat dan seterusnya menyokong usaha Universiti Sains Malaysia.

Rujukan

Haris Abd. Wahab. 2008. *Pendekatan Kesejahteraan Sosial Dalam Pembangunan Komuniti*. Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial. Melaka: Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

DiNitto, D.M. 1991. *Social Welfare, Politics and Public Policy*. New Jersey: Prentice Hall

Midgley, J. 1997. *Social Welfare in Global Context*. London: Sage Publications.

<http://www.usm.my> diakses pada 10 September 2012.